KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22.09.22	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	TNB			

BH Khamis, 22 September 2022 Bisnes

TNB labur RM21 bilion capai Grid Masa Depan

Program percepat kerjasama manfaatkan sumber tenaga dalam kalangan anggota ASEAN

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my



Program Grid Masa Depan TNB sejajar usaha untuk mempercepatkan kerjasama ke aras mewujudkan Grid Tenaga ASEAN. (Foto Danial Saad/BH)

Tenaga Nasional Bhd (TNB) memperuntukkan pelaburan RM21 bilion bagi tempoh 2022 hingga 2024 menerusi program Grid Masa Depan bagi meningkatkan ketersediaan dan kebolehpercayaan rangkaian penghantaran serta pengedarannya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata pelaburan besar itu sejajar dengan usaha mempercepatkan kerjasama ke aras mewujudkan Grid Tenaga ASEAN (APG) bagi menyokong matlamat kolektif serantau.

"Kemajuan adalah satu perkara mesti dipercepatkan atas banyak sebab yang mendesak.

"Memandangkan ASEAN mengambil tindakan untuk melindungi komunitinya daripada ancaman berterusan dan masa depan yang dicetuskan oleh krisis iklim, projek APG boleh memberikan manfaat dalam pelbagai bidang dan menggabungkan kekuatan ASEAN untuk menangani cabaran ini secara berterusan," katanya pada acara Enlit Asia 2022 yang berlangsung di Bangkok, Thailand.

APG antara projek perkongsian terbesar dan paling berwawasan di rantau ini bertujuan menyepadukan sepenuhnya sistem grid tenaga Asia Tenggara dan telah 25 tahun dalam pembikinan.

Harga bahan api tinggi

Baharin menegaskan, grid yang saling berkaitan seperti APG adalah penting dalam membantu anggota ASEAN memanfaatkan sumber dari negara jiran semasa krisis serta menyediakan peluang perdagangan dan memanfaatkan harga sumber pada masa lain.

Beliau berkata, memandangkan kesan semasa harga bahan api yang tinggi, adalah penting campuran bahan api yang lebih seimbang akan meningkatkan kestabilan dan keselamatan tenaga serantau, di mana APG boleh mengimbangi risiko serta potensi implikasi kejutan kos bahan api terbabit.

"Apabila syarikat utiliti tenaga ASEAN mempercepatkan peralihan mereka kepada masa depan mampan, perkongsian sumber tenaga boleh diperbaharui melalui pasaran serantau ini akan memacu aliran masuk pelaburan swasta ke ASEAN serta inovasi dan pertumbuhan tenaga bersih.

"ASEAN akan memerlukan kira-kira AS$190 bilion (RM864 bilion) setahun untuk beralih kepada sifar bersih.

"Justeru, projek APG membolehkan ekonomi mengoptimumkan pelaburan yang diperlukan mereka dan menggalakkan pembangunan berkembang model perniagaan inovatif sebagai penghubungnya.

"Limpahan ekonomi yang positif ini juga akan diterjemahkan kepada lebih banyak pelaburan infrastruktur elektrik serta pembangunan kawasan pertumbuhan baharu untuk penggunaan teknologi.

"Antaranya ialah teknologi termaju dalam voltan tinggi, arus terus dan ulang alik; peranti sistem penghantaran dan aplikasi storan tenaga yang akan membawa kepada pertumbuhan bersama pengembangan APG," katanya.

Berdasarkan pengalaman daripada kejayaan memulakan Projek Integrasi Tenaga Laos, Thailand, Malaysia dan Singapura (LTMS PIP) tahun ini, Baharin melahirkan keyakinan bahawa syarikat tenaga ASEAN boleh berusaha ke arah mencapai APG.

"Kami berada dalam kedudukan yang baik untuk mereka bentuk rangka kerja perdagangan tenaga yang diharapkan akan sepadan dengan struktur industri elektrik setiap negara dan menyediakan situasi menang-menang untuk semua.

"Dalam pendekatan holistik TNB terhadap peralihan tenaga yang bertanggungjawab, mengiktiraf bahawa kesalinghubungan ASEAN adalah penting, justeru, kami komited untuk mempercepatkan kemajuan APG," katanya.

> Projek APG boleh memberikan manfaat dalam pelbagai bidang dan menggabungkan kekuatan ASEAN untuk menangani cabaran ini secara berterusan

Ir Baharin Din,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB

